

Nama: _____

Kelas: _____

Latihan Sistem Bahasa : Kata Majmuk

c. Betulkan kesalahan kata majmuk yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

Tuk Penghulu menasihati Badrul supaya tidak membuat tuduhan secara <u>hentam kromo</u> sehingga mendapat bukti yang sahih.	
Pak Cik Fendi yang buta huruf itu menurunkan cap <u>ibu kaki</u> pada borang pengeluaran wang.	
Suhana menggunakan <u>kayu balak</u> dan sabut kelapa untuk membakar kuih akok.	
Mesyuarat <u>meja makan</u> guru-guru berkaitan dengan kecemerlangan murid dalam kalangan murid akan diadakan selepas waktu persekolahan pada hari ini.	
Puan Fatimah menukarkan <u>alas tangan</u> di hadapan pintu rumahnya dengan yang baharu.	

d. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Pak Dahlan menggunakan baja organik untuk menyuburkan sayur-sayuran di kebunnya.
II Suhaimi membeli kereta itu secara ansuran tanpa membayar wang saku.
III Keropok yang sungguh enak rasanya itu diperbuat daripada ikan parang.
IV Harga barang itu tidak dapat ditawar lagi kerana dijual dengan harga mati.

- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, III, dan IV sahaja

2. I Pemberita wanita itu membacakan sari pati berita sebelum menyampaikan berita penuh.

II Gadis yang juling air itu memakai kaca mata hitam untuk menutup kecacatan matanya.

III Osman yang sering mabuk laut itu membawa ubat sebelum menaiki bot untuk memancing.

IV Suhail digelar kaki bangku oleh kawan-kawannya kerana dia tidak pandai bermain badminton.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III, dan IV sahaja

3. I Kakak membeli sebarang cincin daripada emas putih untuk dihadiahkan kepada ibu.

II Sudah dua jam Musyriif menunggu Rizal di gedung beli-belah itu tetapi batang hidung rakannya itu masih belum kelihatan.

III Murid-murid itu membuat uji kaji di perpustakaan kerana peperiksaan pertengahan tahun akan diadakan pada hari Isnin hadapan.

IV Semua jawatankuasa syarikat itu gembira kerana mereka mendapat bonus tiga bulan gaji pada hujung tahun.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III, dan IV sahaja